




MAKLUMAT LANJUT

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kadar penurunan tol, sila rujuk ke PLUS Malaysia Berhad:-

 www.plus.com.my

 Plusline 1-800-88-0000



KERAJAAN PRIHATIN KURANGKAN KADAR TOL 18%



1. Bilakah pengurangan kadar tol ini berkuat kuasa?
Berkuat kuasa 1 Februari 2020.
2. Berapa lama tempoh konsesi lebuhraya PLUS dilanjutkan?
Dilanjutkan selama 20 tahun dari 2038 hingga 2058.
3. Berapa peratus pengurangan kadar tol yang memberi manfaat kepada pengguna?
Sebanyak 18%.
4. Berapakah nilai ringgit yang dapat dijimatkan oleh kerajaan dengan pengurangan kadar tol sebanyak 18%?
Kerajaan dapat menjimatkan sebanyak RM42 bilion dan boleh digunakan untuk inisiatif lain yang menguntungkan kepada rakyat.
5. Siapakah pemegang saham lebuhraya PLUS?
Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sumber: PLUS



Diterbitkan oleh:

Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Laman Web : penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my
Portal : dbook.penerangan.gov.my
pmr.penerangan.gov.my

R.029 (B.M) JAN 2020 (060.)



@JPenerangan



Jabatan Penerangan Malaysia



japenmalaysia



Jabatan Penerangan Malaysia





TIADA KENAIKAN TOL SEHINGGA 2058

Tempoh konsesi bagi semua lebuh raya PLUS dilanjutkan selama 20 tahun dari 2038 ke 2058

- Dianggarkan sebanyak 1.7 juta pengguna PLUS berpeluang untuk menikmati penjimatan setiap hari.
- Penurunan tol ini akan dilaksanakan bagi semua kenderaan penumpang (kelas 1), teksi (kelas 4) & bas (kelas 5) & kekal sehingga tamat konsesi.
- Bayaran tol bagi lori (kelas 2 & 3) akan kekal pada kadar sedia ada dan tidak akan dinaikkan sehingga tamat konsesi PLUS pada 2058.

- * Lebuh raya Utara-Selatan (NSE)
- * Lebuh raya Baru Lembah Klang (NKVE)
- * Lebuh raya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (ELITE)
- * Lebuh raya Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)
- * Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2)
- * Lebuh raya Seremban-Port Dickson (SPDH)
- * Lebuh raya Butterworth-Kulim (BKE)
- * Jambatan Pulau Pinang (Kelas 2, 3, 4 & 5)

MANFAAT

- Membantu meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dengan berlakunya pengurangan kadar tol 18%.
- Kerajaan juga dapat membuat penjimatan sebanyak RM42 bilion yang boleh digunakan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang mampu memberi faedah dan keuntungan kepada kehidupan rakyat demi kemakmuran bersama.

MULAI

1 FEBRUARI 2020

18%

PENURUNAN TOL

DI SEMUA LEBUH RAYA KENDALIAN PLUS

Untuk Kelas



JIMAT RM42 BILION

Memastikan PLUS mampu beroperasi sendiri dan menanggung kos penyelenggaraan tanpa bergantung kepada kerajaan. Selain daripada itu, kerajaan juga tidak lagi membayar pampasan kepada PLUS sekali gus penjimatan keseluruhan dianggarkan RM42 bilion.

JADUAL BAYARAN TOL UNTUK PLAZA TOL SISTEM TERTUTUP (Jadual kelas 1,4 & 5 sahaja)

LALUAN	KELAS	SEKARANG	SELEPAS PENURUNAN 18%
Jalan Duta - Juru	1	RM43.30	RM35.51
	4	RM21.60	RM17.71
	5	RM32.40	RM26.57
Sg. Besi - Skudai	1	RM40.50	RM33.21
	4	RM20.20	RM16.56
	5	RM30.30	RM24.85
Damansara - KLIA	1	RM7.40	RM6.07
	4	RM3.90	RM3.20
	5	RM5.60	RM4.59
Cheneh - Kuala Terengganu (LPT2)	1	RM19.70	RM16.15
	4	RM9.90	RM8.08
	5	RM19.70	RM16.15

JADUAL BAYARAN TOL UNTUK PLAZA TOL SISTEM TERBUKA (Bagi kelas 1, 4 & 5)

PLAZA TOL	KELAS	SEKARANG	SELEPAS PENURUNAN 18%
Mambau (SPDH)	1	RM3.20	RM2.62
	4	RM3.20	RM2.62
	5	RM6.30	RM5.16
Kubang Semang (BKE)	1	RM1.60	RM1.31
	4	RM0.80	RM0.65
	5	RM1.60	RM1.31
Bangunan Sultan Iskandar (Tambak Johor)	1	RM2.90	RM2.37
	4	RM1.40	RM1.14
	5	RM2.30	RM1.88

SEBAGAI CONTOH

JALAN DUTA
KE ALOR SETAR

KADAR LAMA RM55.50
KADAR BAHARU RM45.50

